



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KAJIAN PENEMPATAN SETINGGAN DI SUNGAI MIDIN,
SEMARIANG PETRA JAYA KUCHING, SARAWAK**

Oleh

BAYANG ANAK RINGKAT

NORISA BINTI MOHAMAD SAHARI

ALICA ELIZABETH MICHAEL NAPIL

ZAILAH BINTI BUJANG

FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN POLISI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,

KOTA SAMARAHAN, SARAWAK

PENDIDIKAN JARAK JAUH

2003 - 2004

ABSTRAK KAJIAN

Tujuan kami menjalankan penyelidikan ini untuk mengkaji, masalah setinggan di kampung Sg. Midin. Kajian ini telah dijalankan di sekitar kawasan setinggan kampung Sg. Midin di mana ia melibatkan 30 orang kampung yang terpilih sahaja. Objektif utama dalam penyelidikan ini adalah untuk mengkaji respon penduduk setinggan Sg. Midin tentang punca penempatan di samping masalah-masalah yang dihadapi dari segi kemudahan infrastruktur, kemudahan asas dan juga masalah sosial masyarakat setempat. Berdasarkan penemuan yang diperolehi dari penyelidikan ini pihak kerajaan dan badan-badan tertentu masih kurang berkesan dalam memberi kemudahan dan penempatan tetap kepada masyarakat setempat. Ini dapat dibuktikan dengan tiada bekalan air dan elektrik diberikan disamping usaha menyediakan penempatan tetap yang tidak mendapat sambutan masyarakat setinggan. Pendapat atau keputusan ini diperolehi melalui data primer iaitu melalui tinjauan atau pemerhatian yang telah dijalankan, pengedaran borang kaji selidik, temuduga berdepan dan melalui data sekunder. Secara keseluruhannya pihak kerajaan harus memberikan kemudahan asas serta lebih giat mengusahakan penempatan tetap yang mampu didiami oleh masyarakat setinggan. Ini adalah berdasarkan keputusan serta pendapat dari penduduk sekitar kampung Sg. Midin sendiri yang kurang berpuas hati dengan ketiadaan kemudahan asas serta inginkan kediaman penempatan yang tetap.

KANDUNGAN

	Muka Surat
Abstrak	i
Surat Penyerahan Hasil Penyelidikan	ii
Penghargaan	iii
Senarai Jadual	iv
Senarai Lampiran	v
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Kajian	3
1.2 Kepentingan Kajian	4
1.3 Skop Kajian	6
1.4 Penyata Masalah	7
1.5 Hipotesis	8
1.6 Andaian Kajian	9
1.7 Had dan Konstren	11
BAB 2 LATARBELAKANG KAJIAN	
2.0 Pengenalan	13
2.1 Tinjauan Literatur	14
2.2 Latarbelakang Kpg. Sg. Midin, Semariang	16
2.3 Jenis-Jenis Setinggaan	18

Bab 1

Pengenalan

1.0 Pengenalan

Tajuk penyelidikan yang telah kami buat dan akan dibincangkan di dalam penyelidikan ini ialah masalah penempatan setinggan di Sg. Midin, Semariang Kuching. Tumpuan kajian kami adalah terhadap sesuatu kampung setinggan sahaja iaitu kampung setinggan Sungai Midin yang diambil sebagai skop kajian dengan tujuan melihat masalah-masalah yang berkaitan dengan setinggan serta faktor-faktor lain yang melibatkan berlakunya setinggan.

Pengertian dan kefahaman asas dalam aspek setinggan adalah asas penting dalam memahami konsep pengkajian secara menyeluruh terhadap setinggan.

Sehubungan itu, setinggan yang telah didefinisikan sebagai orang menempati atau menduduki tanah kerajaan atau orang perseorangan secara haram. Kawasan setinggan merupakan penempatan sementara dengan penduduknya berharap akan berpeluang mendapat rumah yang lebih baik atau semata-mata diwujudkan kerana tidak kemampuan dalam membayar sewa rumah yang terlalu tinggi. Penduduk setinggan terdiri daripada golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan kebanyakan mereka bekerja sebagai buruh kasar atau menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Bab 2

Latar Belakang Kajian

2.0 Pengenalan

Persetinggan dianggap sebagai satu fenomena negara di kebanyakan negara membangun sehingga akhir tahun 1970-an. Pada peringkat awal persetinggan, penghuninya kelihatan hidup dalam keadaan tradisi dan kemiskinan, bersikap apati, mudah mengalami perpecahan, dan menghadapi masalah sosial.

Penempatan setinggan bukan sebagai sarang jenayah dan penyakit sosial tetapi sebagai pembekal tenaga buruh untuk bandar dan tidak membebankan pemerintah dengan perbelanjaan perumahan yang besar. Ciri tahan lasak, bermotivasi, berorientasikan pencapaian dan keusahawanan juga kelihatan pada penghuni ini. Ini menunjukkan bahawa penghuni setinggan mempunyai kehidupan keluarga yang stabil, berdikari dan mempunyai harapan yang tinggi untuk diri sendiri dan keluarga. Taraf hidup di kawasan setinggan pada peringkat awal mungkin sama seperti di desa, tetapi terdapat bukti menunjukkan bahawa mereka dapat membaiki mutu kehidupan jika diberi masa dan bantuan minimum oleh pemerintah.